



POLISI ANTIRASUAH

J A B A T A N P E R T A N I A N

MS ISO 37001:2016
Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR)



JABATAN
PERTANIAN



MAJLIS PELANCARAN
JABATAN PERTANIAN KE ARAH PENSYIARAN

AMS ISO 9001:2015

AMS ISO SISTEM PENGURUSAN ANTRASUAH (SPA)



Perutusan

Ketua Pengarah Pertanian

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya Jabatan Pertanian berjaya membangunkan buku Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian.

Sekalung tahniah dan penghargaan kepada Unit Integriti yang komited bagi memastikan prinsip tadbir urus yang baik diamalkan di dalam semua perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan serta menerapkan nilai integriti dan akauntabiliti pada tahap tertinggi di kalangan warga Jabatan Pertanian.

Jabatan Pertanian tidak akan bertoleransi terhadap sebarang bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan yang berlaku di kalangan warga Jabatan Pertanian selaras dengan komitmen Kerajaan yang dinyatakan di dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 untuk mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

Pembangunan Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian ini merupakan keperluan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) bagi menggalakkan amalan tadbir urus yang baik di dalam Jabatan Pertanian. Polisi ini dibangunkan bagi memastikan penerapan budaya antirasuah, pengamalan nilai integriti yang tinggi dan tadbir urus (*governance*) yang baik dalam pelaporan dan membuat keputusan sebagai panduan kepada semua pihak terutama warga Jabatan Pertanian untuk menangani isu berkaitan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan.

Harapan saya agar semua warga Jabatan Pertanian dapat mengamalkan integriti di dalam setiap penyampaian perkhidmatan dan jenayah rasuah dapat dielakkan.

Sekian,



DATO' ZAHIMI BIN HASSAN

Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian Malaysia

16 Februari 2022



Pembuka Bicara

Ketua Unit Integriti



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya buku Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian dapat direalisasikan.

Bermula tahun 2021, Jabatan Pertanian telah bergerak ke arah pensijilan MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) berpandukan kepada beberapa punca kuasa:

- Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah inisiatif 2.1.3 Memperkenalkan pensijilan ABMS MS ISO 37001 di semua agensi kerajaan;
- Arahan KSN pada 18 April 2021 yang menyatakan semua kementerian akan mendapatkan pensijilan ABMS daripada badan pensijilan yang diiktiraf antarabangsa iaitu SIRIM QAS International;
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 14 pada 19 April 2021 yang memutuskan supaya Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan pensijilan ABMS bagi Jabatan.

Buku Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian ini menerangkan secara menyeluruh mengenai usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dalam menguruskan rasuah secara berkesan. Buku ini diharapkan dapat dijadikan panduan dalam memahami dasar antirasuah dan polisi-polisi lain yang berkaitan seperti pemberian dan penerimaan hadiah, sumbangan politik, derma dan tajaan serta undang-undang dan peraturan berkuatkuasa yang digunakan oleh Jabatan Pertanian.

Saya percaya dengan adanya buku ini, maka semua pihak yang terlibat dengan Jabatan Pertanian akan dapat memahami dengan jelas bahawa Jabatan Pertanian amat menerapkan amalan tadbir urus yang efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah.


Sekian, terima kasih.


MAZNAH BINTI CHE MUDA
Ketua Unit Integriti



• Isi Kandungan

PERKARA	MUKA SURAT
Perutusan Ketua Pengarah Pertanian	i
Prakata Ketua Unit Integriti	ii
1. Pendahuluan	1
2. Pemakaian	1
3. Tujuan	1
4. Takrifan	2
5. Dasar Antirasuah	3
6. Perlakuan Berunsur Dan Berpotensi Rasuah	4
7. Kesalahan-kesalahan Rasuah	5
8. Undang-Undang dan Peraturan Lain Yang Berkuatkuasa	8
9. Etika Jabatan Pertanian	17
10. Pemberian dan Penerimaan Hadiah	17
11. Sumbangan Politik	18
12. Derma dan Tajaan	18
13. Sumbangan Kebajikan (CSR)	18
14. Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat	18
15. Perlindungan Tolak Rasuah	18
16. Surat Sokongan	19
17. Usaha Wajar (<i>Due Diligence</i>)	19
18. Implikasi Ketidakpatuhan Kepada Polisi Antirasuah	21
19. Pertanyaan	21



1. PENDAHULUAN

- 1.1 Penarafan risiko rasuah yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2013 telah meletakkan Jabatan Pertanian sebagai jabatan berisiko tinggi.
- 1.2 Justeru, Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan.
- 1.3 Polisi ini dibangunkan bertujuan untuk memastikan:
 - i. Penerapan budaya antirasuah
 - ii. Pengamalan nilai integriti yang tinggi
 - iii. Tadbir urus (*governance*) yang baik dalam pelaporan dan membuat keputusan

2. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga Jabatan Pertanian. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu/ organisasi yang berurusan dengan warga/ fasiliti Jabatan Pertanian.

3. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.





4. TAKRIFAN

'Warga Jabatan Pertanian'

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Pertanian sama ada lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan.

Warga Jabatan Pertanian juga termasuk Ketua Pengarah Pertanian dan Timbalan Ketua Pengarah Pertanian.

'Rasuah'

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

'Suapan'

Suapan merujuk kepada takrifan 'suapan' di bawah Seksyen 3, ASPRM 2009.

'Hadiah'

Hadiah termasuklah wang, harta alih atau tak alih, kenderaan, tambang percuma, saham, tiket loteri, kemudahan perjalanan, hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab, apa-apa bentuk diskauan atau komisen, hamper, barang kemas, perhiasan, apa-apa pemberian, cenderamata, atau apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, isterinya atau mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang lain, bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (*without consideration*) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi atau mencukupi.

'Rakan Strategik Jabatan Pertanian'

Rakan Strategik adalah individu/ agensi kerajaan/ syarikat swasta/ pertubuhan bukan kerajaan/ koperasi dan mana-mana entiti yang telah menandatangani Nota Kerjasama Strategik dengan Jabatan Pertanian.

'Rakan Niaga Jabatan Pertanian'

Rakan Niaga adalah syarikat/ pertubuhan bukan kerajaan/ koperasi dan mana-mana entiti yang mempunyai urusniaga dengan Jabatan Pertanian selain Rakan Strategik Jabatan Pertanian.

5. DASAR ANTIRASUAH

Jabatan Pertanian beriltizam untuk menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) selaras dengan pelaksanaan ISO 37001 dalam mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

Justeru itu, Jabatan Pertanian komited untuk:

- a) Membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa daripada berlaku dalam kalangan warga Jabatan Pertanian dan pihak berkepentingan bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- b) Mematuhi peruntukan undang-undang, akta atau peraturan berkaitan dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di kalangan warga Jabatan Pertanian;
- c) Memenuhi hala tuju dan aspirasi negara yang dikenali dengan integriti bukannya kerana rasuah serta ke arah memartabatkan visi, misi dan Pelan Strategik Jabatan Pertanian;
- d) Mewujudkan, melaksanakan, mengamalkan dan menambahbaik Polisi Antirasuah, Etika Jabatan Pertanian dan Pelan Mencapai Objektif Antirasuah Jabatan Pertanian sebagai rangka kerja untuk penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah yang efektif;
- e) Melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, mengesan dan tindakbalas ke atas sebarang bentuk rasuah dengan memenuhi keperluan-keperluan di dalam ISO 37001;
- f) Menyediakan ruang, saluran aduan dan perlindungan pemberi maklumat kepada warga Jabatan Pertanian dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah yang berlaku atau kelakuan tidak wajar melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian;
- g) Menambahbaik keperluan-keperluan di bawah SPAR dari semasa ke semasa;
- h) Mewujudkan dan memperkasakan Unit Integriti Jabatan Pertanian yang mempunyai kuasa dan bebas untuk memantau pematuhan SPAR; dan
- i) Mengenakan tindakan punitif, tata tertib dan tindakan undang-undang ke atas warga Jabatan Pertanian yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah, Kod Etika Jabatan Pertanian atau melanggar mana-mana undang-undang, akta, peraturan atau arahan yang berkuatkuasa.



6. PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah adalah seperti berikut:

Transactive

Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (*win-win situation*)

Extortive

Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan

Defensive

Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan

Investive

Bayaran untuk menjamin balasan/ habuan pada masa hadapan

Nepotisme

Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi/ saudara (keluarga)/ sekutu

Autogenic

Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi

Supportive

Penempatan proksi/ kroni di tempat strategik (*hotspot*) dalam organisasi

7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah ASPRM 2009 adalah seperti berikut:

Kesalahan menerima suapan

- **Seksyen 16, Akta 694**

Mana-mana orang yang sendiri atau melalui atau bersama dengan mana-mana orang lain-

- (a) secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau bagi mana-mana orang lain; atau
- (b) secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain,

apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi, atau selainnya oleh sebab-

- (A) mana-mana orang melakukan atau tidak melakukan apa-apa juga berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku; atau
- (B) mana-mana pegawai sesuatu badan awam melakukan atau tidak melakukan apa-apa juga berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenar atau yang dicadangkan atau yang mungkin berlaku, yang dengannya badan awam itu terlibat, melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen

- **Seksyen 17, Akta 694**

Seseorang melakukan kesalahan jika-

- (a) sebagai seorang ejen, dia secara rasuah menyetuju terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh, daripada mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan, apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau bertentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau
- (b) dia secara rasuah memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.



Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen

- **Seksyen 18, Akta 694**

Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkaitan dengannya prinsipal itu mempunyai kepentingan, dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

Penyogokan pegawai badan awam

- **Seksyen 21, Akta 694**

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau, sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah supaya-

- (a) pegawai itu mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana mesyuarat badan awam itu menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan atau soal yang dikemukakan kepada badan awam itu;
- (b) pegawai itu melaksanakan atau tidak melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, mencepatkan, melambatkan, merintangi atau menghalang pelaksanaan, apa-apa perbuatan rasmi;
- (c) pegawai itu membantu dalam mendapatkan atau menghalang pelulusan apa-apa undi atau pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau
- (d) pegawai itu memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian,

melakukan suatu kesalahan, walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang sedemikian atau untuk tidak memberikan yang sedemikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang sedemikian atau tidak memberikan yang sedemikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan

- **Seksyen 23, Akta 694**

- (1) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

- (2) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- (3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisyiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu Negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak bertentangan dengan subseksyen 2(8) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri itu.
- (4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan atau kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam yang satu lagi itu.

Kewajipan untuk melaporkan transaksi penyogokan

- **Seksyen 25, Akta 694**

- (1) Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan, apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, beserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.
- (2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- (3) Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh, atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh suapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta ini, hendaklah sewal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh, suapan itu beserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya itu kepada pegawai Suruhanjaya atau pegawai polis yang paling hampir.
- (4) Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.



8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA

8.1 Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

i. **Seksyen 3, Akta 694:**

- a. mana-mana kesalahan di bawah Akta 574 yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
- b. kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
- c. kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- d. sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
- e. sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Kesekeuaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

ii. **AKTA 574**

- **Seksyen 161. Penjawat awam menerima suapan kecuali bayaran di sisi undang-undang berkenaan dengan sesuatu perbuatan rasmi.**

Barang siapa, yang menjadi atau menjangka akan menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, kecuali bayaran di sisi undang-undang, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi melakukan atau supaya jangan melakukan apa-apa perbuatan rasmi, atau bagi memberi atau supaya jangan memberi, kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau bagi memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasminya, dengan Kerajaan atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 162. Menerima suapan dengan cara tak jujur atau menyalahi undang-undang bagi mempengaruhi seseorang penjawat awam.**

Barang siapa menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi mendorong, dengan cara tak jujur atau menyalahi undang-undang, seseorang penjawat awam supaya melakukan atau jangan melakukan sesuatu perbuatan rasmi, atau supaya memberi kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau supaya memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasmi penjawat awam itu, dengan Kerajaan, atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 163. Menerima suapan bagi menjalankan pengaruh peribadi atas seseorang penjawat awam.**

Barang siapa menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, daripada seseorang, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, apa-apa jua suapan, sebagai suatu galakan atau hadiah bagi mendorong, dengan cara menjalankan pengaruh peribadi, seseorang penjawat awam supaya melakukan atau jangan melakukan sesuatu perbuatan rasmi, atau supaya memberi kemudahan atau kepayahan kepada seseorang, atau supaya memberi atau mencuba memberi apa-apa perkhidmatan atau halangan kepada seseorang, pada menjalankan kerja-kerja rasmi penjawat awam itu, dengan Kerajaan, atau dengan seseorang ahli Jemaah Menteri atau ahli Parlimen atau ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau ahli Dewan Negeri, atau dengan seseorang penjawat awam, sebagai yang demikian, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 164. Seksaan bagi penjawat awam kerana menyubahati kesalahan yang ditakrifkan di atas.**

Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, yang berkenaan dengannya salah satu kesalahan yang ditakrifkan dalam seksyen 162 dan 163 itu dilakukan, menyubahati kesalahan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.



- **Seksyen 165. Penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan, daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.**

Barang siapa, yang menjadi seorang penjawat awam, menerima atau mendapat, atau bersetuju menerima atau mencuba mendapat, untuk dirinya atau untuk seseorang lain, sesuatu benda yang berharga, dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi, daripada seseorang yang ia ketahui telah, atau sedang, atau mungkin ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan, oleh penjawat awam itu, atau yang ada apa-apa perhubungan dengan kerja-kerja rasminya sendiri atau dengan kerja-kerja rasmi seseorang penjawat awam yang di bawahnya ia bekerja, atau daripada seseorang yang ia ketahui sebagai ada kepentingan atau bersangkutan dengan orang yang ada kena mengena demikian itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 213. Mengambil hadiah, dsb., bagi mengelakkan pensalah daripada seksaan.**

Barang siapa menerima, atau bersetuju menerima, atau mencuba mendapat apa-apa suapan untuk dirinya atau untuk seseorang lain, atau apa-apa pemulihan harta kepadanya atau kepada seseorang lain, sebagai balasan baginya menyembunyikan sesuatu kesalahan, atau baginya mengelakkan seseorang daripada seksaan undang-undang kerana sesuatu kesalahan, atau kerana tidak menjalankan tindakan bagi membawa seseorang kepada seksaan undang-undang hendaklah, jika kesalahan itu boleh diseksa dengan bunuh, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara seumur hidup, atau dengan penjara yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara yang tidak sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai seperempat daripada tempoh penjara yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 214. Menawarkan hadiah atau pemulangan harta sebagai balasan bagi mengelakkan pensalah daripada seksaan.**

Barang siapa memberi atau menyebabkan diberi atau menawarkan atau bersetuju memberi atau menyebabkan diberi, apa-apa suapan kepada seseorang, atau bersetuju memulangkan atau menyebabkan dipulangkan apa-apa harta kepada seseorang sebagai balasan bagi orang itu menyembunyikan sesuatu kesalahan, atau baginya mengelakkan seseorang daripada seksaan undang-undang kerana sesuatu kesalahan, atau baginya tidak menjalankan tindakan bagi membawa seseorang kepada seksaan undang-undang,

hendaklah, jika kesalahan itu boleh diseksa dengan bunuh, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara seumur hidup, atau dengan penjara yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika kesalahan itu boleh diseksa dengan penjara yang tidak sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai seperempat daripada tempoh penjara yang lama sekali ada diperuntukkan bagi kesalahan itu, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 215. Mengambil hadiah kerana menolong mendapatkan balik harta curi, dsb.**

Barang siapa mengambil, atau bersetuju atau rela mengambil, apa-apa suapan untuknya atau untuk seseorang lain dengan pura-pura menolong atau kerana menolong seseorang untuk mendapatkan balik apa-apa harta yang boleh dialih yang telah diambil daripada orang itu dengan jalan melakukan sesuatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah Kanun ini, hendaklah, melainkan jika ia menggunakan segala ikhtiar yang ia berupaya bagi menyebabkan pensalah itu ditangkap dan disabitkan atas kesalahan itu, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 384. Seksaan bagi pemerasan.**

Barang siapa melakukan pemerasan hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.

- **Seksyen 385. Mendarangkan kepada seseorang ketakutan bencana dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.**

Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan, mendarangkan kepada mana-mana orang, atau mencuba mendarangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa apa-apa bencana akan berlaku, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.

- **Seksyen 386. Pemerasan dengan mendarangkan kepada seseorang ketakutan pembunuhan atau cedera parah.**

Barang siapa melakukan pemerasan dengan mendarangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dibunuh atau dikenakan cedera parah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai empat belas tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

- **Seksyen 387. Mendarangkan kepada seseorang ketakutan pembunuhan atau cedera parah dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.**

Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan, mendarangkan atau mencuba mendarangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dibunuh atau dikenakan cedera parah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat.

- **Seksyen 388. Pemerasan dengan jalan mengugut hendak menuduh yang seseorang telah melakukan kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh, atau penjara, dsb.**

Barang siapa melakukan pemerasan dengan mendarangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dituduh telah melakukan, atau telah mencuba melakukan, sesuatu kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh, atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau telah mencuba mendorong mana-mana orang lain melakukan kesalahan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat; dan jika kesalahan itu ialah suatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah seksyen-seksyen 377, 377B dan 377C, maka ia bolehlah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun.

- **Seksyen 389. Mendarangkan kepada seseorang ketakutan dituduh kesalahan, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan.**

Barang siapa, dengan tujuan hendak melakukan pemerasan, mendarangkan atau mencuba mendarangkan kepada mana-mana orang ketakutan bahawa ia atau mana-mana orang akan dituduh, telah melakukan, atau telah mencuba melakukan, sesuatu kesalahan yang boleh diseksa dengan bunuh atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, atau dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda atau sebat; dan jika kesalahan itu ialah suatu kesalahan yang boleh diseksa di bawah seksyen-seksyen 377, 377B dan 377C, maka ia bolehlah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun.

- **Seksyen 403. Menyalahgunakan harta dengan curang.**

Barang siapa dengan curangnya menyalahgunakan, atau menjadikan bagi kegunaannya sendiri, atau menyebabkan mana-mana orang melupuskan, apa-apa harta hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 405. Pecah amanah jenayah.**

Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan “pecah amanah jenayah”.

- **Seksyen 406. Seksaaan bagi pecah amanah jenayah.**

Barang siapa melakukan pecah amanah jenayah hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 407. Pecah amanah jenayah oleh pembawa, dsb.**

Barang siapa, yang diamanahkan dengan harta sebagai seorang pembawa, ketua pengkalan, atau penyelenggara gudang, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 408. Pecah amanah jenayah oleh kerani atau orang gaji.**

Barang siapa, yang menjadi seorang kerani atau orang gaji, atau yang bekerja sebagai seorang kerani atau orang gaji dan yang, dengan apa-apa cara telah diamanahkan atas sifatnya itu dengan harta, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari empat belas tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 409. Pecah amanah jenayah oleh penjawat awam atau ejen.**

Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, atas sifatnya sebagai seorang penjawat awam atau seorang ejen, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.



- **Seksyen 417. Seksaan kerana menipu.**

Barang siapa menipu hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 418. Menipu dengan mengetahui bahawa kehilangan salah mungkin dengan jalan demikian itu disebabkan kepada seseorang yang kepentingannya pensalah itu terpaksa melindungi.**

Barang siapa menipu dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan demikian itu menyebabkan kehilangan salah kepada seseorang yang kepentingannya dalam urusan yang berkaitan dengan tipu itu, ia terpaksa sama ada di sisi undang-undang, atau oleh suatu kontrak di sisi undang-undang, melindungi, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 419. Seksaan kerana menipu dengan jalan samaran.**

Barang siapa menipu dengan jalan samaran hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 420. Menipu dan dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan.**

Barang siapa menipu dan dengan jalan demikian itu mendorong dengan curangnya orang yang terpedaya, sama ada atau tidak perdayaan yang diamalkan itu ialah dorongan tunggal atau utama, supaya menyerahkan apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau supaya membuat, mengubah, atau membinasakan kesemua atau apa-apa bahagian sesuatu cagaran berharga, atau apa-apa yang bertandatangan atau bermeteri, dan yang boleh dijadikan suatu cagaran berharga, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari sepuluh tahun, dan dengan sebat, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 465. Seksaan bagi pemalsuan.**

Barang siapa melakukan pemalsuan hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

- **Seksyen 466. Pemalsuan rekod Mahkamah atau Daftar Beranak awam, dsb.**

Barang siapa melakukan pemalsuan berkenaan dengan sesuatu surat yang berupa sebagai suatu rekod atau langkah-pembicaraan sesebuah Mahkamah, atau sesuatu Daftar Beranak, Baptism, Perkahwinan, atau perkuburan, atau sebagai suatu Daftar yang disimpan oleh seseorang penjawat awam sebagai yang demikian, atau sebagai suatu perakuan atau suratan, yang berupa sebagai dibuat oleh seseorang penjawat awam atas jawatan rasminya, atau sebagai suatu kuasa bagi membawa atau membela sesuatu guaman, atau bagi menjalankan apa-apa langkah-pembicaraan di dalamnya, atau bagi mengaku menerima hukuman, atau sebagai sesuatu kuasa wakil, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 468. Pemalsuan bagi maksud hendak menipu.**

Barang siapa melakukan pemalsuan, dengan maksud supaya surat pemalsuan itu digunakan bagi maksud hendak menipu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 469. Pemalsuan bagi maksud hendak merosakkan nama-baik seseorang.**

Barang siapa melakukan pemalsuan, dengan maksud supaya surat pemalsuan itu merosakkan nama-baik mana-mana pihak, atau dengan mengetahui itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 471. Menggunakan surat pemalsuan sebagai tulin.**

Barang siapa dengan tipuan atau dengan curangnya menggunakan sebagai tulin apa-apa surat yang ia ketahui atau ada sebab mempercayai sebagai suatu surat pemalsuan, hendaklah diseksa sama seperti seolah-olah ia telah melakukan pemalsuan berkenaan dengan surat itu.

- **Seksyen 472. Membuat atau memiliki meteri, pelit lancung, dsb., dengan niat hendak melakukan pemalsuan yang boleh diseksa di bawah seksyen 467.**

Barang siapa membuat atau melancung apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat bagi membuat sesuatu teraan, dengan niat supaya digunakan bagi melakukan apa-apa pemalsuan yang boleh diseksa di bawah seksyen 467, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat itu dengan mengetahuinya sebagai lancung, hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 473. Membuat atau memiliki meteri, pelit lancung, dsb., dengan niat hendak melakukan pemalsuan yang boleh diseksa di bawah seksyen lain.**

Barang siapa membuat atau melancung apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat bagi membuat sesuatu teraan, dengan niat supaya digunakan bagi melakukan apa-apa pemalsuan yang boleh diseksa di bawah mana-mana seksyen dalam Bab ini yang lain daripada seksyen 467, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa meteri, pelit atau lain-lain alat itu dengan mengetahuinya sebagai lancung, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 474. Ada memiliki surat cagaran berharga atau wasiat yang diketahui sebagai pemalsuan, dengan niat hendak menggunakananya sebagai tulin.**

Barang siapa ada dalam miliknya apa-apa surat, dengan mengetahuinya sebagai pemalsuan, dan dengan maksud supaya digunakan dengan tipuan atau dengan curangnya sebagai tulin, hendaklah, jika surat itu suatu surat dari jenis yang tersebut dalam seksyen 466, diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda; dan jika surat itu suatu surat dari jenis yang tersebut dalam seksyen 467, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 475. Melancungkan alamat atau tanda yang digunakan bagi mengesahkan surat yang tersebut dalam seksyen 467, atau memiliki benda yang bertanda lancungan.**

Barang siapa, melancung pada apa-apa benda sesuatu alamat atau tanda yang digunakan bagi mengesahkan sesuatu surat yang tersebut dalam seksyen 467, dengan maksud supaya alamat atau tanda itu digunakan bagi memberi rupa yang sah kepada sesuatu surat yang dilakukan pemalsuan atas benda itu tatkala itu atau yang kemudiannya akan dilakukan pemalsuan atasnya, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa benda yang sesuatu alamat atau tanda itu telah dilancung padanya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

- **Seksyen 476. Melancungkan alamat atau tanda yang digunakan bagi mengesahkan surat lain daripada surat yang tersebut dalam seksyen 467, atau memiliki benda yang bertanda lancungan.**

Barang siapa melancung pada apa-apa benda sesuatu alamat atau tanda yang digunakan bagi mengesahkan sesuatu surat yang lain daripada surat yang tersebut dalam seksyen 467, dengan maksud supaya alamat atau tanda itu digunakan bagi memberi rupa yang sah kepada sesuatu surat yang dilakukan pemalsuan atas benda itu atau yang kemudiannya akan dilakukan pemalsuan atasnya, atau barang siapa dengan niat itu ada dalam miliknya apa-apa benda yang sesuatu alamat atau tanda itu telah dilancung padanya, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

8.2 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan Dan Tatatertib) 1993.

9. ETIKA JABATAN PERTANIAN

Warga Jabatan Pertanian adalah tertakluk untuk pengamalan etika kerja yang dinyatakan di bawah Etika Jabatan Pertanian.

Dokumen sokongan

Dokumen	Perincian	Capaian
Etika Jabatan Pertanian	Prinsip etika kerja dan nilai-nilai murni	Unit Integriti, Wisma Tani, Aras 14, Jabatan Pertanian Putrajaya

10. PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH

Secara asasnya Jabatan Pertanian tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998- Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam. Jabatan Pertanian juga telah menyediakan Polisi Tiada Hadiah untuk rujukan warga Jabatan Pertanian.

Dokumen sokongan

Dokumen	Perincian	Capaian
Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998	Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam	Unit Integriti, Wisma Tani, Aras 14, Jabatan Pertanian Putrajaya
Polisi Tiada Hadiah	Polisi dalam pemberian dan penerimaan hadiah	Unit Integriti, Wisma Tani, Aras 14, Jabatan Pertanian Putrajaya

11. SUMBANGAN POLITIK

Jabatan Pertanian tidak bertolak ansur dalam memberi apa-apa sumbangan yang berkaitan dengan Ahli Politik. Sebarang aktiviti berkaitan politik seperti penglibatan dalam kempen pilihanraya hendaklah tidak bercanggah dengan kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).

12. DERMA DAN TAJAAN

Jabatan Pertanian tidak mengamalkan sebarang pemberian atau penerimaan derma atau tajaan.

13. SUMBANGAN KEBAJIKAN (CSR)

Jabatan Pertanian ada membuat sumbangan kebajikan kepada golongan tertentu seperti mangsa banjir dan bantuan warga yang menghadapi kemudarat tetapi sumbangan tersebut adalah sumbangan peribadi warga Jabatan Pertanian dan tidak menggunakan peruntukan Jabatan. Jabatan Pertanian juga tidak menghalang pemain industri dalam sektor pertanian untuk turut serta dalam program CSR tetapi Jabatan Pertanian telah menyatakan dengan jelas bahawa pemberian sumbangan tidak akan mempengaruhi keputusan Jabatan Pertanian terhadap sebarang permohonan insentif/ projek pembangunan/ lain-lain kelulusan di bawah Jabatan Pertanian pada masa hadapan.

14. POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat telah diwujudkan bagi memberi perlindungan kepada Warga Jabatan Pertanian yang menyalurkan maklumat dengan niat sucihati berkenaan rasuah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam polisi.

Dokumen sokongan

Dokumen	Perincian	Capaian
Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat Jabatan Pertanian	Kaedah penyaluran maklumat dan perlindungan yang diberi kepada pemberi maklumat	Unit Integriti, Jabatan Pertanian, Aras 14, Wisma Tani, Putrajaya

15. PERLINDUNGAN TOLAK RASUAH

Warga Jabatan Pertanian juga dilindungi dari sebarang timbal balas (*retaliation*) sekiranya tidak mahu melibatkan diri atau menolak dari melakukan sebarang aktiviti rasuah.

16. SURAT SOKONGAN

Warga Jabatan Pertanian mengamalkan dasar menolak sebarang bentuk pengaruh/ tekanan luar untuk menyokong/ memajukan apa-apa tuntutan. Jabatan Pertanian juga tidak mengeluarkan sebarang surat sokongan kepada mana-mana pihak.

Dokumen sokongan

Dokumen	Perincian	Capaian
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan Dan Tatatertib) 1993	Peraturan 4(2)(h): Seseorang pegawai tidak boleh membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan berhubungan dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu adalah tuntutan	Unit Integriti, Jabatan Pertanian, Aras 14, Wisma Tani, Putrajaya

17. USAHA WAJAR (*DUE DILIGENCE*)

Jabatan Pertanian melaksanakan *due diligence* ke atas warga Jabatan dan rakan strategik/ rakan niaga untuk menilai kesahihan dan ketepatan maklumat yang dibekalkan atau sebelum membuat sebarang keputusan.

Due diligence dilaksanakan terhadap semua proses yang mempunyai tahap risiko melebihi rendah berkaitan transaksi, projek dan aktiviti dalam skop SPAR, sama ada diperingkat perancangan atau hubungan sedia ada dengan rakan strategik/ rakan niaga.

Pematuhan kepada Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2017 adalah terpakai bagi pengambilan pegawai dan kakitangan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Jabatan Pertanian melaksanakan prosedur *due diligence* mengikut dasar yang diperuntukkan terhadap warga Jabatan Pertanian sebelum mereka ditempatkan/ ditukarkan/ mendapat kenaikan pangkat bagi memastikan pematuhan dasar antirasuah dan keperluan SPAR. Warga Jabatan perlu melepassi tapisan keselamatan dan tapisan keutuhan sebelum pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat.

Pemberian imbuhan berdasarkan pemarkahan prestasi, pencapaian sasaran prestasi tertakluk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkuatkuasa.



JABATAN
PERTANIAN

UNIT INTEGRITI JABATAN PERTANIAN

Warga Jabatan Pertanian perlu membuat pengisyhtaran bagi mengesahkan pematuhan mereka terhadap dasar antirasuah.

Due diligence dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan maklumat mencukupi semasa membuat penilaian dan dikemaskini secara berterusan bagi memastikan perubahan dan maklumat baru diambilkira dalam penentuan semula tahap risiko.

Dokumen sokongan

Dokumen	Perincian	Capaian
Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2017	Garis Panduan Permohonan Pengisian Kekosongan Jawatan	Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pertanian, Aras 11, Wisma Tani, Putrajaya
Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]	Urusan pengambilan bagi mengisi jawatan kosong yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)	Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pertanian, Aras 11, Wisma Tani, Putrajaya

18. IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN KEPADA POLISI ANTIRASUAH

Ketidakpatuhan seperti yang dikenalpasti oleh audit dan penilaian risiko harus dilaporkan kepada Pengurusan Tertinggi di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan Pertanian pada masa yang ditetapkan.

Mana-mana pihak yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah boleh dikenakan:

- i. Warga Jabatan Pertanian: tindakan tatatertib dan jika terlibat dengan kes rasuah boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- ii. Pembekal, rakan strategik/ rakan niaga dan pihak luar: tindakan penangguhan/ pembatalan jika kontrak belum dimuktamadkan atau tindakan penamatkan. Hukuman lanjut juga boleh diambil jika melibatkan kerugian/ kepentingan Jabatan Pertanian seperti bayaran ganti rugi atau tindakan undang-undang yang berkaitan.

19. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan kepada polisi ini, boleh menghubungi:

Ketua Unit Integriti
Jabatan Pertanian,
Aras 14, Wisma Tani,
No. 30, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya.
Tel: 03-8870 2484
Email: integriti@doa.gov.my

**UNIT INTEGRITI**

JABATAN PERTANIAN
ARAS 14, WISMA TANI,
NO. 30, PERSIARAN PERDANA PUTRA,
PERSINT 4, 62424 PUTRAJAYA

03 8870 2484

03 8870 3220

www.doa.gov.my